

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP)**

No.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pejabat SPPP beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?	<p>Ya, SPPP akan <b>BEROPERASI PADA KADAR MINIMA</b> selaras dengan arahan Kerajaan dan mematuhi Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 18 Mac 2020 PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN 2020)</p> <p>Pejabat SPPP di Swettenham Pier Cruise Terminal beroperasi dari jam 8.30 pagi sehingga 1.00 petang pada hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Pejabat SPPP di NB Tower ditutup dan pegawai serta kakitangan yang bertugas di NB Tower bekerja dari rumah.</p>
2.	Adakah operasi pelabuhan di Pelabuhan Pulau Pinang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?	<p>Tidak. Pelabuhan dikategorikan sebagai salah satu perkhidmatan perlu. Dengan demikian, semua perkhidmatan pelabuhan beroperasi seperti biasa. Perkhidmatan pelabuhan adalah termasuk <i>stevedore</i>, pengendalian kargo, perkhidmatan malim, kapal tunda, bunkering, bekalan air bersih, gudang dan lain-lain. Semua aktiviti pemunggahan dan pergerakan barang bagi kapal kargo dibenarkan berjalan seperti biasa dan tidak terhad kepada <i>essential items</i> sahaja.</p>
3.	Kapal jenis apakah yang dibenarkan memasuki Pelabuhan Pulau Pinang dalam tempoh PKP?	<p>Semua kapal persiaran <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki mana-mana pelabuhan di Malaysia kecuali untuk bekalan kapal dan bantuan kemanusiaan.</p> <p>Semua kapal, kumpit dan kapal <i>barter trade</i> adalah <b>DIBENARKAN</b> memasuki mana-mana pelabuhan di Malaysia untuk memuat dan discaj kargo.</p>

4.	<p><b>Jika terdapat persoalan mengenai Pelabuhan Pulau Pinang serta logistik dalam tempoh PKP, siapakah boleh dihubungi?</b></p>	<p>Dalam tempoh PKP, pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:</p> <p>a) Puan Monaliza binti Suhaimi (Pengurus Besar) No. Tel: 012-4065168 / Email : <a href="mailto:monaliza@penangport.gov.my">monaliza@penangport.gov.my</a></p> <p>b) Puan Maryati binti Ramli (Pengurus Kanan Korporat) No. Tel: 012-4015156 / Email : <a href="mailto:maryati@penangport.gov.my">maryati@penangport.gov.my</a></p> <p>c) Capt. Zulkeffli bin Md Desa (Penolong Pengurus Operasi) No. Tel: 012-4031626 / Email : <a href="mailto:zulkeffli@penangport.gov.my">zulkeffli@penangport.gov.my</a></p>
5.	<p><b>Bagaimanakah aduan boleh disalurkan sepanjang tempoh PKP?</b></p>	<p>Sebarang aduan berkaitan Pelabuhan Pulau Pinang boleh disalurkan ke emel <a href="mailto:sppp@penangport.gov.my">sppp@penangport.gov.my</a></p>
6.	<p><b>Bagaimana dengan proses permohonan dan pertanyaan mengenai lesen?</b></p>	<p>Pertanyaan mengenai lesen untuk pembaharuan dan sebagainya boleh dilakukan secara dalam talian atau melalui emel <a href="mailto:sppp@penangport.gov.my">sppp@penangport.gov.my</a></p>
7.	<p><b>Adakah jadual perjalanan feri akan berubah dalam tempoh PKP?</b></p>	<p>Ya. Jadual perjalanan feri akan berubah demi mematuhi arahan PKP serta bagi memastikan krew serta kakitangan feri tidak terdedah kepada ancaman COVID-19.</p>
8.	<p><b>Bagaimana permohonan maklumat/data pelabuhan boleh diperolehi ketika pelaksanaan PKP?</b></p>	<p>Maklumat/data pelabuhan yang diklasifikasikan sebagai data terbuka boleh diperolehi dengan mengemukakan emel kepada SPPP. Pegawai SPPP akan menyalurkan maklumat tersebut.</p> <p><b>atau</b></p> <p>Layari laman sesawang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di <a href="http://www.penangport.gov.my/en/port-performances">www.penangport.gov.my/en/port-performances</a> untuk dapatkan statistik terkini Pelabuhan Pulau Pinang</p>
9.	<p><b>Adakah pelanggan unit Zon Bebas Komersil (ZBK) boleh berurusan serta hadir ke pejabat unit ZBK ketika pelaksanaan PKP?</b></p>	<p>Tidak. Semua temujanji, perbincangan, mesyuarat dan persidangan meja bulat 'round-table-discussion' (RTD) adalah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.</p>

10.	Adakah saya masih boleh membuat perisytiharan pergerakan dan aktiviti barangan di ZBK?	Ya. Pergerakan dan aktiviti barangan di ZBK boleh diisytihar secara atas talian melalui <a href="https://ppcfczonline.gov.my/v3/">https://ppcfczonline.gov.my/v3/</a>
11.	Siapakah pegawai Unit ZBK yang boleh dihubungi sepanjang tempoh PKP?	Pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut: En. Shapudin Bin Khalid – No. Tel: 012-4025154 En. Muhammad Fauzi Bin Che Leh – No. Tel: 012-4215153
12.	Apakah status tuntutan bayaran bagi invois yang telah diserahkan kepada SPPP sebelum/semasa tempoh PKP?	Pembayaran akan diproses sewajarnya bagi tuntutan bayaran pembekalan/perkhidmatan/kerja yang telah disempurnakan dan lengkap invoisnya serta dikemukakan kepada SPPP sebelum/semasa tempoh PKP.
13.	Apakah status pengeluaran invois sewaan bulanan?	Invois sewaan akan dikeluarkan seperti biasa dan akan dimajukan kepada penyewa melalui email.
14.	Apakah status pengeluaran invois dius pelabuhan di Teluk Ewa?	Invois dius pelabuhan di Teluk Ewa akan dikeluarkan seperti biasa kepada ejen kapal setelah menerima <i>Notice of Arrival</i> dan <i>Time Sheet</i> .
15.	Siapakah pegawai Unit Kewangan yang boleh dihubungi dalam tempoh PKP?	Pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut: Encik Mohamad Safri bin Halim Email : <a href="mailto:safri@penangport.gov.my">safri@penangport.gov.my</a>  Puan Suryani binti Mohd Hadzir Email : <a href="mailto:suryani@penangport.gov.my">suryani@penangport.gov.my</a>
16.	Adakah Jawatankuasa Sebut Harga akan mengadakan mesyuarat dalam tempoh PKP?	Semua mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga ditangguhkan sehingga tamat tempoh PKP.

17.	<b>Adakah tempoh sah laku bagi sebut harga yang telah tutup sebelum tempoh PKP akan dilanjutkan?</b>	Tempoh sah laku sebut harga masih berkuatkuasa dan boleh dilanjutkan sekiranya perlu.
18.	<b>Adakah tarikh akhir pembekalan yang tertera di atas Pesanan Tempatan akan dilanjutkan?</b>	Tarikh akhir pembekalan di atas Pesanan Tempatan masih berkuatkuasa, boleh dilanjutkan sekiranya perlu.
19.	<b>Siapakah pegawai yang boleh dihubungi berkaitan perolehan?</b>	<p>Pegawai yang boleh dihubungi ialah:</p> <p>Puan Lim Ben Ching Email : <a href="mailto:benching@penangport.gov.my">benching@penangport.gov.my</a></p> <p>Puan Nurliyana Che Anour Email : <a href="mailto:nurliyana@penangport.gov.my">nurliyana@penangport.gov.my</a></p>
20.	<b>Adakah permohonan pengambilan ubat pesara masih boleh dipohon?</b>	Ya. Borang Perubatan 1/09 - Pengambilan ubat pesara (yang telah diluluskan oleh SPPP sebelum ini) bagi tempoh 3 bulan di panel farmasi SPPP boleh dikemukakan kepada SPPP melalui email.
21.	<b>Siapakah pegawai yang boleh dihubungi berkaitan permohonan pesara?</b>	<p>Pegawai yang boleh dihubungi ialah:</p> <p>Puan Zalina binti Daud (No. Tel:017-4943782) Email : <a href="mailto:zalina@penangport.gov.my">zalina@penangport.gov.my</a></p> <p>Encik Mohamed Nur Azizan bin Mohamed Nasir Email : <a href="mailto:azizan@penangport.gov.my">azizan@penangport.gov.my</a></p>
22.	<b>Adakah Perkhidmatan Sekuriti, Kebombaan dan Keselamatan Pekerjaan Pelabuhan Pulau Pinang berfungsi seperti biasa (24 jam / 7 hari seminggu) sepanjang tempoh PKP?</b>	Ya, Perkhidmatan Keselamatan, Kebombaan dan Keselamatan Pekerjaan Pelabuhan Pulau Pinang berfungsi seperti biasa (24 jam / 7 hari seminggu) sepanjang tempoh PKP dijalankan.

<p>23.</p>	<p><b>Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat berkaitan Sekuriti, Kebombaan dan Keselamatan Pekerjaan di Pelabuhan Pulau Pinang sepanjang tempoh pelaksanaan PKP?</b></p>	<p>Pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:-</p> <p>ASP/Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir (Penolong Pengurus Keselamatan) No. Tel: 012-4715156 Email : <a href="mailto:syarmizar@penangport.gov.my">syarmizar@penangport.gov.my</a></p> <p>Tuan Hamidi bin Karia (Penolong Pengurus Kebombaan) No. Tel: 012-4065526 Email : <a href="mailto:hamidi@penangport.gov.my">hamidi@penangport.gov.my</a></p>
<p>24.</p>	<p><b>Adakah berlaku peningkatan <i>Security Level ISPS Code</i> daripada Level 1 kepada Level 2 atau Level 3 di Kawasan <i>Maritime Transport Security Area (MYSA)</i> Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sepanjang tempoh pelaksanaan PKP?</b></p>	<p>Tidak. <i>Security Level</i> di kawasan MTSA Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang masih kekal Level 1, sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.</p>